



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
PADA 17 MEI 2017 (RABU)**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN RM
SH/BIL.SUKNS/ 15/2017	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Projek Naik Taraf Capaian Portal Rasmi Kerajaan Negeri dan Laman Web Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan PERINGATAN: Taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima. Tarikh: 24 Mei 2017 (RABU) Masa: 10.00 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat UPTM Tingkat 3 Blok B, Wisma Negeri.	210102 210103 210104 210105 210106 210108	30.00 setiap satu borang

Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat mulai **24 Mei hingga 31 Mei 2017** di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor/Pembekal dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen sebut harga.

Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan sijil-sijil tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang ditetapkan di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari 31 Mei 2017**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.